Universiti Teknologi MARA
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026



Akreditasi

Sesi Lawatan Penilaian Penuh
Pusat Verifikasi Kualiti (QVC)
UiTM Oleh MQA

Pengurusan Kualiti

Audit Surveillance 1 (SV1)
ISO 9001:2015

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Inovasi Specifill Serlah Dalam Podcast Exellens, Kumpulan Luminous Cetus Inspirasi Ke Arah Kejuaraan

eISSN 2976-2596
9772976259003

TAKLIMAT PEMERKASAAN KUALITI MELALUI IQAF MQA

Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah berjaya menganjurkan sesi taklimat bertajuk "Pemerkasaan Kualiti melalui *Institutional Quality Audit Framework (IQAF) MQA*" PADA 9 Februari 2026 secara dalam talian melalui platform Microsoft Teams.

Sesi yang penuh informatif ini telah dihadiri oleh seramai 343 orang peserta yang terdiri daripada warga fakulti dan kampus cawangan UiTM di seluruh Malaysia.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Prof. Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad, Pengarah Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA) UiTM, yang juga merupakan Penulis Standard *(Standard Writer)* IQAF 2025 serta Jurulatih Bertauliah MQA.

MENGENALI IQAF EDISI 2025

Tujuan utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan pengenalan awal kepada staf UiTM, khususnya para pengurus kualiti, mengenai dokumen baharu yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) iaitu Kerangka Kualiti Audit Institusi (IQAF) Edisi 2025. IQAF 2025 diperkenalkan bagi menggantikan serta memperkukuh pelaksanaan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA) 2009.*

Antara objektif utama transformasi kerangka ini adalah:

- Menyelaraskan sembilan (9) bidang penilaian lama kepada lima (5) bidang penilaian utama.
- Memastikan jajaran (*alignment*) dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 2024 dan *ASEAN Quality Assurance Framework (AQAF).*
- Membangunkan instrumen penilaian (rubrik) yang lebih mantap bagi membantu Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) mengekalkan dan meningkatkan kualiti secara berterusan.

SISTEM PENILAIAN BAHARU

Satu pembaharuan penting dalam IQAF 2025 adalah pengenalan Tahap Pencapaian (*Attainment Level - AL*) berasaskan skala 1 hingga 5:

AL 3 (*Baseline*):
Memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan.

AL 4 (*Effective*):
Menunjukkan kecekapan dan keberkesanan sistem jaminan kualiti dalaman.

AL 5 (*Exemplary*):
Amalan terbaik yang boleh menjadi tanda aras (*benchmark*) kepada pihak lain.

STRUKTUR BIDANG PENILAIAN IQAF 2025

Dalam sesi tersebut, Prof. Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan menjelaskan bahawa IQAF 2025 merangkumi 80 standard dan 30 kriteria yang dibahagikan kepada lima bidang berikut:

- **Bidang 1:** Tadbir Urus dan Kelestarian Institusi
- **Bidang 2:** Pembangunan dan Pengurusan Akademik
- **Bidang 3:** Pengalaman dan Sokongan Pelajar
- **Bidang 4:** Bakat dan Sumber
- **Bidang 5:** Jaminan Kualiti dan Peningkatan

HARAPAN DAN LANGKAH SETERUSNYA

Taklimat ini merupakan langkah proaktif InQKA dalam memastikan UiTM sentiasa berada di hadapan dalam mematuhi standard jaminan kualiti kebangsaan dan antarabangsa. Dengan kehadiran yang menggalakkan daripada pelbagai peringkat pengurusan fakulti dan cawangan, adalah diharapkan agar pemahaman mengenai IQAF 2025 ini dapat diterjemahkan ke dalam amalan tadbir urus dan pengurusan akademik yang lebih dinamik, inklusif, dan lestari.

InQKA komited untuk terus menyokong warga UiTM dalam proses transisi ini demi mengekalkan status swakreditasi universiti dan mencapai visi menjadi universiti tersohor dunia

Universiti Teknologi MARA | Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

Universiti Unggul Pemacu Bumiputera Profesional | UiTM di hatiku | اوسها تقوى مولينا | @inqkauitm

eISSN 2976-2596